



Siaran **AKHBAR**

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 5 () 01/08

SIBER SIAGA 2023 DAN CYBER DSA 2023: MENYATUKAN INDUSTRI KESELAMATAN SIBER MALAYSIA DAN ASEAN

KUALA LUMPUR, 16 Ogos 2023 - Penganjuran Siber Siaga 2023 dan Cyber DSA 2023 telah mencapai kejayaan diluar jangkaan dengan mengumpulkan para pemain industri keselamatan siber dari luar dan dalam negara di Kuala Lumpur Convention Center (KLCC). Acara ini telah berlangsung dengan gemilang pada 15 hingga 17 Ogos 2023 dan dihadiri oleh berbagai tokoh terkemuka dalam industri keselamatan siber. Tema Siber Siaga 2023 pada Tahun ini adalah "Mempertahankan Ruang Siber dan Kedaulatan Negara" sangat bertepatan dengan penganjuran kedua pada kali ini. Dengan perkembangan teknologi yang berkembang maju telah menghasilkan pelbagai cabaran baharu dalam melindungi kepentingan organisasi dan negara amnya, baik dalam alam nyata mahupun digital.

Majlis pembukaan Siber Siaga 2023 telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, YB Tuan Haji Adly bin Zahari. Dalam ucapannya, beliau menekankan pentingnya kerjasama diantara agensi dalam menghadapi ancaman siber yang semakin kompleks. "Penganjuran kali ini adalah satu platform yang terbaik di mana para ahli, profesional, dan pemimpin industri berkumpul untuk berbincang dan seterusnya mendapatkan kata sepakat dalam mengambil langkah-langkah proaktif dalam memastikan keselamatan siber negara.

Selain itu, Bahagian Siber dan Elektromagnetik Pertahanan (BSEP) juga telah Berjaya mengadakan persidangan ASEAN Cyber Defence (ACDN) kali kedua. Persidangan ini telah dirasmikan oleh YBhg Laksamana Muda Dato' Ts. Shamsuddin bin Hj Ludin, Ketua Pengarah BSEP. Pada persidangan ini, para pemimpin siber Negara ASEAN juga telah berkumpul dan bertukar pendapat dalam memastikan agenda keselamatan siber dapat dibina dan diperkembangkan. Pertemuan bersejarah ini juga telah membuka ruang kerjasama dalam membentuk satu komuniti siber ASEAN. Beberapa keputusan telah diperolehi dalam membangunkan keupayaan siber di kalangan negara ahli ASEAN.

Program keselamatan siber ini turut di adakan dengan beberapa forum yang menarik. Antara tajuk forum dan perbincangan ilmiah yang diketengahkan adalah, "Medan Pertempuran Digital Moden: Ketersambungan, Kematian, Autonomi & Kemampuan," *Empowering Your Digital Fortress - Strategies and Best Practices for a Resilient Cyber Security Backbone*, *Celebrating Woman in Digital Transformation*, *Networking Session*, *Security Fabric*, *the Strategic Approach to Cybersecurity Architecture*, *Defending Against Evolving Threats with Advanced Protection and Threat Intelligence*, *Cyber Operations*, *Unleash the Unstoppable Enterprise*:

Empowering Business Through Visibility in Complex Digital Ecosystem, Secure Mobile Communication on The Edge: Dare More Innovation, Cyber Security as a Service: Enhancing Protection, Efficiency & Resilience dan Adding Zero Trust Data to Defence Infrastructures.

Siber Siaga 2023 dan Cyber DSA 2023 yang dibuka kepada masyarakat awam ini turut menarik perhatian 70 syarikat untuk bersama mengambil bahagian di samping 1100 orang ahli-ahli profesional, 18 universiti tempatan, agensi-agensi kerajaan dan warga ATM sendiri. Selain daripada wadah perbincangan secara ilmiah, terdapat beberapa aktiviti lain merangkumi pameran produk-produk keselamatan siber, produk integrasi pertahanan serta teknologi-teknologi baharu yang bukan sahaja untuk kegunaan dalam negara, malah boleh digunakan dengan serasi (compatible) oleh komuniti global amnya.

Keselamatan ekosistem siber negara merupakan tanggungjawab bersama dan ianya tidak terletak semata-mata kepada ATM serta agensi-agensi siber berkaitan. Hal ini membolehkan pihak kerajaan amnya, merancang pelan-pelan tertentu serta bergerak ke hadapan dalam memastikan keselamatan ekosistem siber negara bukan sahaja relevan, malah mampu meramal serta memberi tindak balas terhadap sebarang ancaman yang mendatang.

Sementara itu, semua agensi berkaitan siber perlu bersatu dan berganding melalui pendekatan *Whole of Government* dan *Whole of Society* (WoGoS) dalam memastikan kemampanan keselamatan ekosistem siber negara ini dan mengelakkan ancaman peperangan atau serangan yang dibuat secara hibrid terhadap nilai-nilai teras keselamatan negara sepertimana yang termaktub di dalam Dasar Keselamatan Negara 2021-2025.

Turut hadir sama ke program ini adalah Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM, Ketua Staf MK ATM, Leftenan Jeneral Datuk Arman Rumaizi bin Hj Ahmad, Timbalan Panglima Tentera Darat, Leftenan Jeneral Datuk Muhammad Hafizuddein bin Jantan, Timbalan Panglima Tentera Laut, Laksamana Madya Dato' Zulhelmy bin Ithnain, Timbalan Panglima Tentera Udara, Leftenan Jeneral Datuk Seri Haji Muhamad Norazlan bin Aris TUDM, Ketua Staf MK AB, Mejar Jeneral Hj Fazal bin Hj Abdul Rahman dan Ketua Pengarah Siber, Panglima Logistik TD, dan Mejar Jeneral Hj Azelan bin Abu Bakar.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”